

MAKLUMAT TAMBAHAN

- i. Jadual 1: Purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri, Malaysia, 2018–2022

Negeri	2018	2019	2020	2021	2022
Purata (RM)					
Malaysia	3,087	3,224	2,933	3,037	3,212
Johor	3,228	3,266	2,840	2,853	3,007
Kedah	2,294	2,413	2,300	2,465	2,659
Kelantan	2,419	2,571	2,463	2,543	2,653
Melaka	2,853	2,990	2,925	2,937	3,113
Negeri Sembilan	3,048	3,218	3,013	3,045	3,206
Pahang	2,662	2,754	2,684	2,708	2,897
Pulau Pinang	2,811	3,022	2,883	3,080	3,313
Perak	2,387	2,571	2,463	2,608	2,739
Perlis	2,628	2,723	2,596	2,588	2,777
Selangor	3,668	3,892	3,480	3,543	3,737
Terengganu	2,695	2,766	2,424	2,490	2,657
Sabah	2,745	2,836	2,678	2,826	2,972
Sarawak	2,757	2,819	2,509	2,825	2,976
W.P. Kuala Lumpur	4,336	4,359	3,823	4,013	4,207
W.P. Labuan	3,054	3,323	2,942	3,268	3,418
W.P. Putrajaya	4,530	4,695	4,497	4,504	4,666

Nota: Data merujuk kepada warganegara sahaja

- ii. Jadual 2: Penengah gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri, Malaysia, 2018–2022

Negeri	2018	2019	2020	2021	2022
Penengah (RM)					
Malaysia	2,308	2,442	2,062	2,250	2,424
Johor	2,418	2,512	2,124	2,184	2,220
Kedah	1,703	1,748	1,474	1,757	1,863
Kelantan	1,604	1,639	1,343	1,632	1,681
Melaka	2,332	2,415	2,120	2,190	2,284
Negeri Sembilan	2,348	2,433	2,062	2,297	2,301
Pahang	2,111	2,225	1,753	1,917	2,065
Pulau Pinang	2,215	2,346	2,082	2,353	2,507
Perak	1,775	1,858	1,629	1,918	1,943
Perlis	1,989	2,010	1,571	1,797	1,872
Selangor	2,695	2,956	2,725	2,884	3,194
Terengganu	1,874	1,911	1,514	1,669	1,743
Sabah	1,951	1,980	1,716	1,930	2,015
Sarawak	2,033	2,070	1,593	2,059	2,115
W.P. Kuala Lumpur	2,946	3,106	3,037	3,054	3,276
W.P. Labuan	2,419	2,712	2,130	2,611	2,703
W.P. Putrajaya	3,673	3,749	3,717	3,837	3,916

Nota: Data merujuk kepada warganegara sahaja

- iii. Konsep Asas Statistik Gaji & Upah

- a. Statistik bilangan penerima, penengah dan purata gaji dan upah bulanan diperoleh daripada Survei Gaji dan Upah (SGU) dan merujuk kepada penduduk yang berumur 15 tahun dan lebih semasa minggu rujukan dan hanya meliputi warganegara Malaysia bagi pekerja bergaji dan bekerja sepenuh masa di sektor awam dan swasta.

- b. SGU menggunakan rekabentuk pensampelan berkebarangkalian yang dilaksanakan untuk mendapatkan kadar upah daripada pekerjaan utama melalui pendekatan isi rumah.
- c. Maklumat gaji & upah dikumpul daripada responden yang berumur 15 tahun dan lebih yang merupakan pekerja di sektor awam atau swasta dan memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada kriteria berikut:
- Pekerja yang bekerja sepenuh masa;
 - Pekerja yang tidak bekerja dalam bulan rujukan tetapi menerima gaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula;
 - Pekerja yang bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari atau sekurang-kurangnya 20 hari sebulan bagi pekerjaan biasa yang dilakukan secara tetap pada setiap bulan;
 - Pekerja yang bertaraf kontrak di sektor kerajaan;
 - Individu yang menerima elaun secara tetap dan berkala setiap bulan (contoh: Ketua Kampung, Penghulu, Pemaju Mukim, Penggawa, Siak/Nuja, Imam, Bilal dan Tok Empat); atau
 - Sukarelawan yang menerima elaun secara tetap iaitu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), RELA dan Askar Wataniah.

